

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN PENTING PEMBUNGKUSAN DAN PELABELAN MAKANAN

3 Seksyen 17 : Iklan

- Sesiapa tidak boleh menyiarkan apa-apa **iklan** mengenai makanan yang **mengelirukan atau memperdayakan** pembeli atau tidak tepat dengan apa-apa butir yang dikehendaki oleh mana-mana peraturan di bawah Akta ini.
- Kesalahan ini boleh dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi tiga (3) tahun atau denda atau dedua-duanya.

Enabling Businesses. Enhancing Lives

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN PENTING PEMBUNGKUSAN DAN PELABELAN MAKANAN

4 Seksyen 29 : Pengimportan

- Makanan diproses yang hendak diimport yang **tidak mematuhi keperluan pelabelan, makanan mentah** atau **separa proses** dan **tidak mematuhi peruntukan tertentu**.
- makanan tersebut boleh diimport untuk diproses semula atau diperbaiki mutu. Pelabelan semula, pemprosesan semula atau memperbaiki mutu makanan berkenaan perlu dilaksanakan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh pengimportan, dan jika tidak dilaksanakan dalam tempoh berkenaan, ia perlu dieksport dalam tempoh dua (2) bulan.

Enabling Businesses. Enhancing Lives

PERATURAN PELABELAN

- Peraturan 33 : **Bungkusan yang boleh digunakan semula bagi hasil yang sama.**
- **Botol kaca** boleh digunakan untuk penyediaan, pembungkusan, penstoran, penyerahantaran atau pendedahan untuk jualan susu, minuman ringan, minuman beralkohol, sos, cuka, jem dan jeruk jika ia digunakan untuk tujuan yang sama.
- **Kotak atau keranjang** boleh digunakan untuk penyediaan, pembungkusan, penstoran, penyerahantaran atau pendedahan untuk jualan sayur, ikan dan buah jika ia digunakan untuk tujuan yang sama.
- **Guni** boleh digunakan untuk penyediaan, pembungkusan, penstoran, penyerahantaran atau pendedahan untuk jualan beras kisar jika ia digunakan untuk tujuan yang sama.

Enabling Businesses. Enhancing Lives

PERATURAN PELABELAN

- Peraturan 33A: **Bungkusan makanan yang lain yang boleh digunakan semula bagi minuman beralkohol, syandi, sayur dan buah.**
- Botol kaca yang digunakan sebelumnya bagi minuman beralkohol boleh digunakan bagi syandi dan sebaliknya. Kotak atau keranjang yang digunakan sebelumnya bagi sayur boleh digunakan bagi buah dan sebaliknya.

Enabling Businesses. Enhancing Lives

PERATURAN PELABELAN

- Peraturan 395 : **Makanan yang tidak distandardisasikan di tempat lain.**
- Makanan yang standardnya tidak ditetapkan dengan nyata.

Perkara-perkara yang perlu perhatian adalah seperti berikut:

- 1 Apa-apa perihalan tidak boleh diletak di atas label makanan yang **tidak distandardisasikan di tempat lain yang boleh mengelirukan makanan** berkenaan dengan makanan yang mempunyai standard yang sedia ada.
- 2 **Tidak boleh mengandungi perkataan makanan yang tidak distandardisasikan di tempat lain** pada label makanan berkenaan.

Enabling Businesses. Enhancing Lives

CARA (FORMAT) MELABEL



- Setiap perkataan, pernyataan, penerangan atau arahan pada label sesuatu bungkusan makanan hendaklah :-
- Ditulis dengan jelas (mudah dibaca) dan mudah dilihat oleh pembeli.
- Tahan lama, dicetak sama ada :-
 - pada bungkusan itu, atau
 - pada bahan yang dilekat dengan teguh atau kekal pada bungkusan tersebut.

Enabling Businesses. Enhancing Lives


sambungan



- Sesuatu label boleh diletakkan di dalam bungkusan jika :-
 - pembungkus dibuat dari **bahan lutsinar** yang terang dan
 - makanan tersebut belum sedia untuk dimakan atau terkandung dalam cengkerang atau pembungkus lain yang **menghalanginya dari bersentuh** dengan label.
- Tiada label boleh diletakkan pada pembungkusan tambahan.
- Dalam warna yang berbeza dengan latar belakangnya.

Enabling Businesses. Enhancing Lives

sambungan



- Setiap perkataan atau pernyataan yang dikehendaki pada label hendaklah:-
 - dalam **HURUF BESAR** kesemuanya; atau
 - dalam **huruf kecil** kesemuanya; atau
 - dalam **Huruf Besar** awalnya dan diikuti dengan huruf kecil.

Enabling Businesses. Enhancing Lives

BUTIR-BUTIR YANG PERLU ADA PADA LABEL

- Jenama dan logo produk / syarikat
- Teks
- Nama produk
- Senarai ramuan / kandungan
- Senarai pemakanan / matlumat nutrien
- Kuantiti / berat
- Nama dan alamat pengeluar
- Penandaan tarikh
- Kod jalur (Barcode)
- Logo halal
- Logo buatan Malaysia
- Kata-kata tarikan
- Ilustrasi / fotografi
- Warna
- Cara penggunaan
- Tanda harga
- Informasi alam sekitar
- Amaran bahaya
- Simbol-simbol lain

INFORMASI PELABELAN YANG MANDATORI



- Seksyen 10A - 3 kenyataan mandatori yang mesti ditunjukkan pada label. Peraturan ini khusus pada cara dan lokasi di mana kenyataan-kenyataan berikut mesti dipamerkan.

- 1 Nama produk
- 2 Kuantiti / berat bersih produk
- 3 Nama dan alamat pengeluar

NAMA PRODUK



■ Definisi

Nama produk adalah kenyataan biasa atau nama umum mengenai produk atau berdasarkan kepada fungsinya.

Peraturan seksyen 30

Enabling Businesses. Enhancing Lives

KEDUDUKAN NAMA PRODUK



- Nama produk mestilah dipamirkan pada **bahagian utama** bekas atau pembungkusan.
- Terdapat **dua atau lebih permukaan** yang sama saiznya dan dianggap bahagian utama.
- Nama produk dan sebutan kuantiti bersih hanya boleh menggunakan satu bahasa sahaja di permukaan utama dan bahasa terjemahan di permukaan lain.

Peraturan seksyen 12

Enabling Businesses. Enhancing Lives

PENGHURUFAN



- Penghurufan:
 - tidak lebih kecil dari 10 poin
 - jelas dari segi ketinggian
 - jelas dari segi keutamaan visual
 - jelas dari segi kedudukan ketinggian

Peraturan seksyen 14, 15 & 16

Enabling Businesses. Enhancing Lives

KUANTITI / BERAT BERSIH PRODUK

- Biasanya kuantiti / berat bersih dinyatakan;
 - dalam **jumlah** unit metrik jika produk adalah jenis **cecair, gas** atau **gam**; atau
 - dalam **berat** unit metrik untuk **produk padu**; atau
 - dalam **bilangan** penomboran untuk produk yang dijual secara **unit individu**.
- Untuk produk yang dinyatakan dalam **ukuran panjang** dan hanya mengandungi satu unit dalam satu bungkusan, kuantiti bersih dinyatakan mengikut **ukuran panjang sebenar produk**.
- Saiz huruf hendaklah ditulis tidak lebih kecil daripada 10 poin.

Enabling Businesses. Enhancing Lives

LOKASI DAN GAYA PERSEMBAHAN



- Kuantiti bersih yang dinyatakan mestilah terang dan mudah dilihat di **permukaan utama** label.
- Mudah dibaca dan jelas serta kontras dari informasi-informasi lain yang dipamirkan dipermukaan label.


Peraturan seksyen 12 & 17

Enabling Businesses. Enhancing Lives

PERKATAAN



- Angka bagi kuantiti bersih yang dinyatakan mestilah dalam perkataan yang **tebal**.



Peraturan seksyen 14

Enabling Businesses. Enhancing Lives

UKURAN UNIT

- Jadual dibawah menunjukkan penggunaan ejaan bagi ukuran unit dan penggunaan simbol yang diterimapakai.

B. MALAYSIA	ENGLISH	SIMBOL
gram	gram	g
kilogram	kilogram	kg
liter	litre	L, l, /
mililiter	mililitre	mL, ml, m/
sentimeter	centimetre	sm, cm
meter	metre	m
sentimeter persegi	square centimetre	sm ² , cm ²
meter persegi	square meter	m ²

Enabling Businesses. Enhancing Lives

PENGGUNAAN PENGHURUFAN/SIMBOL

- Penggunaan yang betul penghurufan / simbol

BETUL	SALAH
g	g.
g	G
g	gm
g	gms

Enabling Businesses. Enhancing Lives

PENGGUNAAN PENGHURUFAN/SIMBOL

- Satu ruang hendaklah digunakan untuk mengasingkan angka dari unit ukuran.

- Contoh:

BETUL	\$ALAH	\$ALAH
500 g	500g	500 g

- Tidak perlu dinyatakan perkataan “bersih”, “berat bersih”, “kandungan bersih” atau “kuantiti”. Sekiranya digunakan mestilah dinyatakan dalam Bahasa Malaysia dan juga bahasa terjemahannya.

Enabling Businesses. Enhancing Lives

PENGGUNAAN PENGHURUFAN/SIMBOL

Dalam keadaan tertentu yang dibenarkan untuk 500 gram dan 500 mililiter ialah setengah kilogram dan setengah liter. Ianya boleh dinyatakan dalam angka perpuluhan atau perkataan.

500 gram boleh dinyatakan dengan betul sebagai:

500 g
0.5 kg
setengah kilogram
setengah kg

500 mililiter boleh dinyatakan dengan betul sebagai:

500 mL
0.5 L
setengah liter
setengah L

Enabling Businesses. Enhancing Lives

NAMA DAN ALAMAT PENGELUAR



■ DEFINISI

Pengistiharan yang menyatakan identiti dan alamat pengeluar/pengilang, pembungkus, empunya hak untuk mengilang, membungkus atau ejen mana-mana daripada mereka yang lengkap untuk tujuan surat menyurat dan penghantaran.

Enabling Businesses. Enhancing Lives

PERKATAAN

■ BAHASA

Nama dan alamat pengeluar mestilah dalam Bahasa Malaysia atau bahasa terjemahan.

■ LOKASI

Nama dan alamat pengeluar boleh diletakkan di mana-mana sahaja di luar permukaan pembungkusan kecuali di sebelah bawah.

Peraturan seksyen 13

■ JENIS HURUF

Tiada jenis huruf tertentu yang ditetapkan, tetapi mestilah yang mudah dibaca oleh pengguna.

Peraturan seksyen 15

Enabling Businesses. Enhancing Lives

PERKATAAN

■ SAIZ HURUF

Saiz huruf hendaklah ditulis tidak lebih kecil daripada 4 poin.

■ PRODUK IMPORT

Bagi produk yang diimport, label hendaklah mempunyai nama dan alamat perniagaan:-

- pengilang atau
- pembungkus atau
- empunya hak untuk mengilang atau membungkus atau
- ejen mana-mana daripada mereka dan
- nama dan alamat perniagaan pengimport di Malaysia dan
- nama negeri dari mana produk itu berasal.

Enabling Businesses. Enhancing Lives

JENAMA & LOGO PRODUK / SYARIKAT



- Merupakan satu **nama, rupa, warna, simbol** atau rekabentuk atau **kombinasi** kesemuanya sekali untuk menunjukkan sesuatu produk atau perkhidmatan dari pengeluar atau cawangan-cawangannya dan untuk membezakannya dari pesaing.
- Jenama yang berkesan biasanya terdapat logo kecil. Logo merupakan ciptaan kreatif untuk menampilkan identiti dan sebagai pengenalan syarikat.

TEKS



- Teks yang digunakan hendaklah yang mudah difahami, jelas, senang dibaca dan mengandungi nilai tarikan pada pembaca.
- Makanan yang dikeluarkan, disediakan atau dibungkus di Malaysia mesti dilabelkan dalam Bahasa Malaysia dan boleh mengandungi terjemahan di dalam mana-mana bahasa lain.

TEKS



- Bagi makanan import, ianya hendaklah di dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris dan boleh mengandungi terjemahan di dalam mana-mana bahasa lain.
- Label bagi makanan yang diimport di bawah kategori Makanan Bertujuan Khas dan Hasil-Hasil Susu seperti rumusan bayi, susu skim, susu tepung penuh krim, susu sejat, susu pekat dan lain-lain hendaklah di dalam Bahasa Malaysia dan boleh mengandungi terjemahan di dalam mana-mana bahasa lain.

SENARAI RAMUAN / ISI KANDUNGAN



- Penyeneraian perlu dibuat bagi mana-mana makanan yang terdiri daripada dua atau lebih ramuan selain dari air, aditif makanan dan tambahan zat makanan.
- Senarai ini hendaklah menyatakan nama sebutan sebenar tiap-tiap ramuan mengikut **susunan kadar menurun** berasaskan berat.
- Saiz huruf: tidak lebih kecil daripada **4 poin**.

PENANDAAN TARIKH



- Penandaan tarikh hendaklah ditunjukkan di dalam bentuk **TARIKH AKHIR, GUNA SEBELUM, MAKAN SEBELUM** atau **BAIK SEBELUM** dinyatakan mengikut hari, bulan dan tahun atau mengikut bulan dan tahun
- Contoh : **TARIKH AKHIR 19 08 08**
- Saiz huruf hendaklah ditulis dalam **huruf besar, tebal** dan tidak lebih kecil daripada **6 poin**.
- Perkataan-perkataan hendaklah secara kekal sama ada :-
 - ditanda, atau
 - dicetak timbul pada label atau pada bungkusan.

SENARAI NILAI PEMAKANAN



- Senarai nilai pemakanan atau kandungan nutrien adalah tuntutan yang menerangkan paras kandungan nutrien yang terdapat dalam makanan.
- Nilai pemakanan hendaklah dinyatakan pada sesuatu label mengikut standard kekuatan, berat atau kuantiti sebenar. Butir-butir mandatori yang mesti disertakan ialah **tenaga, protein, karbohairat dan lemak.**
- Ia bertujuan untuk menggalakkan pengeluaran makanan untuk menjadi lebih prihatin terhadap kepentingan mengeluarkan makanan yang berkhasiat

KOD JALUR (BARCODE)



- Sistem penomboran standard produk yang diterima dalam pasaran antarabangsa dan dikeluarkan oleh **Federation of Malaysian Manufacturers (FMM).**
- Kod jalur adalah untuk memudahkan urusan urusan niaga dan di dalamnya tertera butir-butir seperti **negara pengeluar produk, nama pengeluar, nama produk dan harga.** Bar kod hendaklah dicetak pada label atau lain-lain tempat pada pembungkusan makanan yang hendak dijual di pasaran tempatan dan juga untuk eksport.

LOGO HALAL



- Logo Halal yang dikeluarkan oleh **JAKIM** adalah diguna-pakai untuk menunjukkan kehalalan sesuatu hasil makanan, minuman dan bahan gunaan orang Islam yang berasaskan kepada hukum syarak.
- Kerajaan Malaysia tidak mengiktiraf halal mana-mana produk yang diberikan pengesahan halal oleh badan-badan persendirian atau badan swasta atau syarikat-syarikat swasta yang tidak memenuhi spesifikasi yang ditentukan dan tanpa membuat pemeriksaan secara fizikal di premis berkenaan.
- **Jabatan Agama Islam Negeri** atau **Majlis Agama Islam Negeri** sahaja yang membuat pengesahan Halal dan mengeluarkan sijil/logo Halal negeri masing-masing ke atas produk yang akan diedarkan dalam negeri itu sahaja.

LOGO BUATAN MALAYSIA



Buatan Malaysia

- Logo Buatan Malaysia yang dikeluarkan oleh **Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna** adalah diguna-pakai untuk tujuan perdagangan dalam negeri melalui :-
- Penentuan dan pemantauan harga barang-barang perlu.
- Perlesenan dan pengawalan pengeluaran, pengedaran dan penjualan barang-barang perlu.



KATA-KATA TARIKAN (CATCH WORDS)



- Kata-kata yang dapat menarik perhatian pengguna dan yang mudah dan sentiasa diingat.
- Contoh:
- KFC - Hingga Menjilat Jari
 - ZAITUN INDUSTRI - Guna Tanpa Was-was
 - GARDENIA - Sungguh Enak Dimakan Begitu Saja
 - TWISTIES - Hidup Menjadi-jadi Dengan Twisties
 - COKE - Cuba Try, Alamilah Coca Cola.



ILLUSTRASI / FOTOGRAFI



- Hendaklah memberi gambaran yang sebenar produk yang dikandung mengikut warna, saiz, pemprosesan, bahan yang digunakan dan lain-lain.
- Mestilah memberi imej yang jelas mengenai keistimewaan dan keunikan produk.
- Mestilah dengan cara yang kreatif dan menyakinkan imej si pengeluar produk.



WARNA



- Pilihan warna hendaklah mengikut sasaran pengguna - lelaki, perempuan, tua, muda, remaja, kanak-kanak, peringkat kelas atasan dan sederhana/bawahan.
- Sensitif kepada trend terkini dan mengikut peredaran masa.
- Pemilihan warna mempengaruhi jenis produk.
- Pemilihan warna memberi kesan pada rekaan disamping dapat menambah nilai komersial.




LOGO DAN SIMBOL




- **CARA MEMBUKA/ PENGGUNAAN**
- **TANDA HARGA**
- **INFORMASI ALAM SEKITAR (CARA PEMBUANGAN)**
- **AMARAN BAHAYA**

MAKANAN-MAKANAN YANG DIKECUALIKAN DARIPADA KEPERLUAN PELABELAN



- Bungkus **makanan yang diminta** oleh pembeli dan **ditimbang, dikira** atau **diukat** semasa kehadiran pembeli.
- Makanan yang **telah dimasak** dan **sedia untuk dimakan** yang mudah rosak yang dibungkus di premis jualan berikutan dengan permintaan dari pembeli untuk kuantiti tertentu makanan tersebut.
- **Bekas pukal** seperti wagon, keranjang (crate), silo, tangki dan bekas-bekas lain yang serupa.
- Kotak, karton dan bekas-bekas lain yang serupa yang mengandungi **bungkusan-bungkusan** didalamnya **yang telah dilabel** dengan sempurna.



TINDAKAN SUSULAN

Untuk mendapatkan keterangan dan maklumat lebih lanjut, pihak kami sentiasa bersedia membantu dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik. Sila hubungi :

**SEKSYEN PEMASARAN & JUALAN
PUSAT REKA BENTUK PEMBUNGKUSAN & KESELAMATAN (PSDC)**

SIRIM Berhad

Bangunan 24A

No. 1, Persiaran Dato' Menteri

Seksyen 2, Peti Surat 7035

40700 Shah Alam

Selangor Darul Ehsan

(U/P : ENCIK MOHAMAD NIZAM ZAINUDDIN)

Tel : 03-5544 5039/017-6288 571

Faks : 03-5544 6705

E-mel : mnizamz@sirim.my

TERIMA KASIH



PUSAT REKA BENTUK PEMBUNGKUSAN DAN KESELAMATAN

Seksyen Pemasaran dan Jualan
SIRIM Berhad
1, Persiaran Dato' Menteri, Seksyen 2,
P.O Box 7035 40700 Shah Alam Selangor, Malaysia
Tel : +603 5544 5039
Faks : +603 5544 6705
Toll Free : 1 300 88 7035
Website : www.sirim.my